

Dadah seludup RM60j dirampas sepanjang tahun lalu

BERITA HARIAN 13/9/18 m/s 20

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) merampas pelbagai jenis dadah seberat hampir tiga tan dianggarkan bernilai RM60 juta yang diseludup masuk ke negara ini melalui Thailand, sepanjang tempoh tahun lalu hingga bulan ini.

Antara dadah dirampas ialah methamphetamine, kanabis, heroin base, ketamin, 30,000 biji pil ekstasi, erimin 5 (1,100 biji) dan pil khayal (2,220 biji).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata semua dadah berkenaan dirampas menerusi perkongsian maklumat dan siasatan bersama Biro Pembenterasan Narkotik (PNSB) Thailand.

Beliau berkata, hasil kerjasama PNSB, PDRM mencatat banyak kejayaan merampas bahan terlarang berkenaan yang kebanyakannya dibawa masuk sindiket negara jiran.

"Banyak sindiket dadah antarabangsa itu ditumpaskan oleh PNSB. Sindiket terbabit membolosi sekatan dan sempadan masuk negara ini," katanya.

Beliau berkata selepas menerima kunjungan hormat Ketua PNSB, Leftenan Jeneral Sommai Kongvisaisuk bersama 10 pegawai biro itu di Bukit Aman, semalam.

Mohamad berkata, PDRM sudah menjalin hubungan kerjasama dengan PNSB hampir 40 tahun dan mereka menyokong penuh serta berkongsi maklumat risikan dalam usaha membanteras kegiatan penyeludupan dadah.

"Kita kena ingat bahawa dadah yang masuk ke Thailand dan Malaysia sebenarnya dari negara jiran yang berjaya melepasi penguatkuasaan PNSB, ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa Malaysia bukanlah negara yang dijadikan hab pengedaran dadah," katanya.